

17 OCT 2002

PENDEKATAN PROGRESIF MALAYSIA BAIK UNTUK SINGAPURA, KATA LEE

SINGAPURA, 17 Okt (Bernama) -- Singapura percaya Malaysia akan terus menggunakan pendekatan progresif dan sekular selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara pada Oktober 2003.

"Pengganti beliau Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka meneruskan pendekatan progresif Dr Mahathir, yang positif bagi Malaysia dan Singapura," kata Timbalan Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong.

Lee berkata pendekatan kerajaan Malaysia dalam memodenkan negara itu didorong terutamanya oleh Dr Mahathir yang pada masa ini berusaha keras agar mata pelajaran Sains dan Matematik diajar di sekolah-sekolah dalam bahasa Inggeris menggantikan bahasa Malaysia iaitu bahasa kebangsaan.

"Bagaimanapun, pendekatan ini dan pandangan dunia ditentang keras oleh parti Islam pembangkang, PAS, yang mahu mewujudkan sebuah negara Islam di Malaysia," katanya pada seminar mengenai 'Pembangunan di Asia Tenggara: Perspektif Singapura' anjuran Nomura Securities di Tokyo hari ini.

Beliau berkata PAS memperolehi sokongan yang ketara daripada masyarakat Melayu yang merupakan majoriti di Malaysia, terutamanya orang Melayu di kampung-kampung, dengan menggambarkan perjuangan untuk mendapatkan sokongan Melayu sebagai suatu perjuangan yang "panjang dan sukar".

"Sekiranya PAS berkuasa, Malaysia akan menghala ke arah yang agak berbeza. Tetapi bukanlah mudah untuk PAS menumbangkan parti yang memerintah sekarang, kerana untuk berbuat demikian parti itu memerlukan juga sokongan bukan Melayu, yang membentuk satu pertiga daripada jumlah keseluruhan penduduk," kata Lee.

-- BERNAMA

SS ABG ROS